

<b>Headline</b>	<b>Bakau minyak terbesar selamat</b>		
<b>MediaTitle</b>	Berita Harian	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	<b>05 Apr 2012</b>	<b>Circulation</b>	<b>192,982</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Readership</b>	<b>1,521,000</b>
<b>Page No</b>	<b>18</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>274 cm<sup>2</sup></b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 9,241</b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 27,723</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>		



# Bakau minyak terbesar selamat

## Projek konservasi mula Mei ini

Oleh Syed Mohd Ridzuwan

Syed Ismail

**P**ONTIAN: Sebatang pokok Bakau Minyak (*Rhizophora Apiculata*) berusia lebih 100 tahun yang diancam hakisan pantai serius di Pulau Kukup dekat Tanjung Piai di sini, akan diselamatkan menerusi kerja konservasi dijangka bermula Mei depan.

Bakau Minyak dipercayai terbesar di negara ini dengan garis pusat 57.1 sentimeter (sm) atau ukur lilit 1.79 meter itu berdepan risiko tumbang berikutan kedudukannya kurang 20 meter dari kawasan hakisan, mendapat perhatian beberapa syarikat swasta untuk membantu memulihara khazanah berharga berkenaan.

Pengaruh Perbadanan Taman Negara Johor, Suhairi Hashim, berkata Kulim Berhad menyatakan perstujuan membantu menyediakan dana bagi membina cerucuk, batu penghadang hakisan dan jeti untuk menghalang pergerakan tanah sekitar kawasan pokok bakau itu.

Katanya, Malakoff Corporation Berhad juga mendermakan RM100,000 melalui Dana Pemuliharaan Alam Pulau Kukup bagi kerja konservasi pulau terbabit yang mengalami masalah hakisan.

"Mengikut kajian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan sebanyak RM300,000 diperlukan bagi membina kemudahan bagi

menghalang hakisan daripada terus menyebabkan pokok tertua ini tumbang. Menerusi dana yang ada hasil bantuan beberapa syarikat ini, kita akan memulakan kerja penyediaan tender sebelum konservasi dijangka bermula Mei ini.

"Kerja pembinaan ini perlu dijalankan segera kerana kawasan itu kini berada dalam keadaan kritis terutama kesan fenomena air pasang besar yang berlaku beberapa bulan lalu," katanya di sini, semalam.

Pada 8 Mac lalu, akhbar ini melaporkan Pulau Kukup dekat Tanjung Piai yang tercatat sebagai pulau kedua terbesar di dunia tidak berpenghuni, mungkin akan kehilangan gelaran itu akibat keluasannya yang semakin mengecil disebabkan hakisan pantai yang serius.

Hakisan itu juga menyebabkan kawasan hutan bakau di situ menyusut lebih 100 meter daripada keluasan sebenar sejak 10 tahun lalu. Malah, hakisan di pesisir pantainya makin ketara apabila air pasang besar, ombak besar kerana aktiviti perkapanan tidak terkawal dan kegiatan mencuri bakau.

Kajian UTHM dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mendapati berlaku hakisan satu meter setiap bulan di kawasan pulau hutan bakau berkeluasan 647 hektar yang dikelilingi dataran

lumpur seluas 800 hektar itu.

Suhairi berkata, pihaknya mengharapkan lebih banyak syarikat dan badan bukan kerajaan (NGO) tampil bagi membantu usaha konservasi bukan saja membabitkan Pulau Kukup tetapi bagi konservasi Taman Negara yang berada di bawah perbadanan terbabit.

"Untuk tahun ini saja sebanyak 2,000 pokok bakau ditanam di sekitar Pulau Kukup dengan kerjasama pelbagai pihak. Orang ramai yang datang ke sini juga boleh membeli anak pokok bakau dan mananamnya dengan mengabdiakan nama mereka pada pokok terbabit," katanya.



ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN | BERITA HARIAN  
POKOK bakau minyak dipercayai terbesar di negara ini mungkin tumbang kerana terletak kurang 20 meter dari kawasan hakisan pantai di Pulau Kukup.